



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[ANALYSIS OF THE MANUSCRIPT OF SAYR AL-SALIKIN ILA 'IBADAH RABB AL-'ALAMIN BY SHAYKH 'ABD AL-SAMAD AL-FALIMBANI IN THE NATIONAL LIBRARY OF MALAYSIA]

ANALISIS MANUSKRIP SAYR AL-SALIKIN ILA 'IBADAH RABB AL-'ALAMIN KARYA SHAYKH 'ABD AL-SAMAD AL-FALIMBANI DI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

NUR AFIQAH MOHAMMED ALAM¹
ENGKU IBRAHIM ENGKU WOK ZIN²

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

² Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

*Corresponding Author: fiqahalam@gmail.com

Received Date: 15 June 2021 • Accepted Date: 15 December 2021

Abstract

Sayr al-Salikin's ila 'Ibadah Rabb al-'Alamin manuscript has been well preserved and cared in several Malay manuscript repositories either in the region of the Malay World or in the West. Nevertheless, the public still have no knowledge of its existence and the actual number of its copies. Therefore, this study aims to trace and analyze the manuscripts found in Malaysia especially National Library of Malaysia. This study used qualitative approach by collecting data in the form of documents. Next, the data obtained were analyze descriptively. The results of the study found that the total number of 48 Sayr al-Salikin's early manuscript has been well taken care of and is still accessible to researchers at National Library of Malaysia. In conclusion, this study can give a clear information about the total 48 copies and the status of Sayr al-Salikin's manuscript (9 complete and 39 incomplete copies) located at the National Centre for Malay Manuscripts, National Library of Malaysia.

Keywords: Shaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani; Malay Manuscripts; Sayr al-Salikin 'Ibadah Rabb al-'Alamin; National Centre for Malay Manuscripts ; National Library of Malaysia.

Abstrak

Manuskrip Sayr al-Salikin ila 'Ibadah Rabb al-'Alamin telah disimpan dan dijaga dengan baik di beberapa repositori manuskrip Melayu sama ada di rantau Alam Melayu mahupun di Barat. Walaupun begitu, orang ramai masih tidak mengetahui tentang keberadaan dan jumlah sebenar naskhah-naskhah Sayr al-Salikin. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menjejaki dan menganalisis manuskrip Sayr al-Salikin yang terdapat di Malaysia, khususnya Perpustakaan Negara Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan data berbentuk dokumen.

Data-data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Hasil mendapati sebanyak 48 naskhah awal Sayr al-Salikin telah dijaga dengan baik dan masih boleh diakses oleh para pengkaji di Perpustakaan Negara Malaysia. Kesimpulannya, kajian ini dapat memberikan maklumat yang jelas mengenai keseluruhan 48 buah manuskrip Sayr al-Salikin dan statusnya (9 lengkap dan 39 tidak lengkap) yang berada di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.

Kata kunci: Shaykh ‘Abd al-Samad al-Falimbani; Manuskrip Melayu; Sayr al-Salikin ila ‘Ibadah Rabb al-‘Alamin; Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu; Perpustakaan Negara Malaysia.

Cite as: Nur Afiqah Mohammed Alam & Engku Ibrahim Engku Wok Zin. 2021. [Analysis of The Manuscript of Sayr Al-Salikin ila ‘Ibadah Rabb Al- ‘Alamin by Shaykh ‘Abd Al-Samad Al-Falimbani in The National Library of Malaysia] Analisis Manuskrip Sayr Al-Salikin ila ‘Ibadah Rabb Al-‘Alamin Karya Shaykh ‘Abd Al-Samad Al-Falimbani di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 166-186.

PENGENALAN

Shaykh ‘Abd al-Samad al-Falimbani merupakan seorang tokoh ulama di Alam Melayu pada abad ke 18 (Megawati Mores, 2013). Beliau berasal dari Palembang, Indonesia (Khalif Muammar, 2015) dan dikenali sebagai al-Falimbani yang merujuk kepada tempat kelahiran beliau iaitu Palembang.

Semasa hayat beliau banyak menghabiskan masa menuntut ilmu dan menghasilkan karya (Syamsul Rijal, 2015). Beliau telah menghasilkan karya dalam pelbagai disiplin ilmu seperti akidah, feqah dan tasawuf (Sulaiman Mohammad Nur, 2016). Berdasarkan ketiga-tiga disiplin ilmu yang dinyatakan, beliau lebih cenderung meminati disiplin ilmu tasawuf (Syamsul Rijal & Umiarso, 2018). Antara karya beliau dalam bidang tasawuf adalah 1) *Hidayah al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin*, 2) *Sayr al-Salikin ‘Ibadah Rabb al-‘Alamin*, 3) *al-Risalah fi Kayfiyyat ar-Ratib Lailat al-Jumu’ah*, 4) *al-‘Urwah al-Wuthqa wa Silsilah Uli al-Ittiqa*, 5) *Ratib Samman*. dan 6) *Ratib Shaykh ‘Abd al-Samad al-Falimbani* (Wan Mohd. Shaghir Abdullah, 1996; Khadher Ahmad & Ishak Suliaman, 2014; Dzulkipli Hadi Imawan, 2018). Salah satu karya beliau yang paling tersohor, bernilai tinggi dan terbesar di Alam Melayu dalam bidang tasawuf adalah “*Sayr al-Salikin ‘Ibadah Rabb al-‘Alamin*” (Wan Mohd. Shaghir Abdullah 1996; Suhaila Abdullah & Mohd Sukki Othman 2011).

Penulisan *Sayr al-Salikin ‘Ibadah Rabb al-‘Alamin* pada awalnya dikarang oleh Shaykh ‘Abd al-Samad al-Falimbani menggunakan tulisan tangan kerana pada waktu itu (abad 18) masih belum wujud kemajuan teknologi percetakan. Hal ini kerana, mesin cetak dan aktiviti percetakan mula wujud dan diperkenalkan pada abad ke-19 (Mohd.Hisyam, Mikdar & Syed Muhammad Dawilah 2012; Abdul Mu’iz & Taj Rijal, 2020). Justeru, penghasilan karya menggunakan tulisan tangan dikenali sebagai manuskrip.

Justeru, manuskrip merupakan salah satu bahan dokumen yang amat penting kepada perkembangan budaya sesuatu kaum di sesebuah negara (A.S. Sabariah & I. Imilia, 2013). Ia adalah sumber primer secara langsung (Mohammed Hussain Ahmad, 2019), yang dapat mengungkapkan pemikiran falsafah, kepercayaan, masalah dan keperluan hidup (I Nyoman

Weda Kusuma, 2007), perihal agama dan ketamadunan manusia zaman silam (Zakaria Mustaffa & Abdul Syukur Mohd. Ali, 2012).

Kemunculan manuskrip merupakan gambaran kebijaksanaan para ulama tempatan meluahkan pemikiran dan perasaan mereka dalam bentuk tulisan (Fairuzah Basri, Salmah Ahmad & Mohd Syukri Yeoh Abdullah, 2013). Manuskrip yang terdapat di Nusantara adalah kesan dari perkembangan ilmu pengetahuan setelah kelahiran Islam pada abad ke 7 M (Ahmad Amin, 1983). Manuskrip mempunyai tiga keistimewaan yang tersendiri antaranya 1) kekayaan khazanah sangat berharga bagi orang Melayu, 2) diwariskan turun temurun dari satu generasi ke generasi seterusnya dan 3) banyak menjadi rujukan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan sehingga kini (Makmur Harun, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz & Sitti Rachmawati Yahya, 2017).

Sayr al-Salikin 'Ibadah Rabb al-'Alamin yang dikenali sebagai *Sayr al-Salikin* dikategorikan sebagai sebuah manuskrip Melayu kerana mempunyai ciri-ciri seperti 1) dalam bentuk tulisan tangan (Salmah Ahmad & Ezad Azraai Jamsari, 2014), 2) menggunakan skrip Jawi dalam bahasa rumpun Melayu, 3) mengenai alam dan tamadun Melayu, 4) berusia sekurang-kurangnya 100 tahun (Perpustakaan Negara Malaysia, 2014), 5) dihasilkan sekitar abad ke 16 sehingga 19 (*Sayr al-Salikin* dihasilkan sekitar abad ke-18) (Perpustakaan Negara, 2002; Asmak Ali, Fatimah Salleh & Che Zaharah Abdullah, 2013). 6) Ia merupakan warisan khazanah intelektual, pemikiran dan kebudayaan bangsa dan negara dari zaman silam (Katalog Pameran 1990; Awang Rosle Jumat 2019), 7) yang tiada ternilai harganya (Zawiyah Baba & Jamilah Mohd. Sir, 2004). 8) Ia masih belum dicetak yang meliputi pelbagai bidang keilmuan (Mat Saad Abd Rahman, 1983), 9) yang ditinggalkan oleh para ulama dan cendekiawan Islam silam (Salsabil Mohd Zain 2012; Mohammed Hussain Ahmad 2019).

Manuskrip Melayu mempunyai peranan, kekuatan dan kedudukan tersendiri iaitu sebagai 1) penyimpan maklumat, 2) perakam sejarah, 3) pengajar dan penyebar Islam, 4) pelapor perundangan, 5) ketatanegaraan dan 6) penyalur ilmu-ilmu kemasyarakatan (Siti Hawa Mohd Salleh, 2001). Manuskrip Melayu dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dan maklumat kepada masyarakat (Awang Sariyan, 2019). Di dalamnya sarat dengan pelbagai bidang ilmu pengetahuan, maklumat, pemikiran, penceritaan, huraian dan tafsiran yang berkaitan dengan segenap aspek kehidupan (Awang Sariyan, 2019) mengenai bangsa, budaya, sistem pemerintahan, perjuangan, perubahan, pendidikan, sosial masyarakatnya (Zakaria Mustaffa & Abdul Syukur Mohd. Ali, 2012), sejarah silam, kesusasteraan, syair dan nazam, warkah dan risalah, perundangan, ketatanegaraan, petua, adat, perubahan tradisional, azimat, astronomi, kitab ramalan, sosio ekonomi dan pelbagai bidang ilmu agama yang secara lazimnya sukar untuk diperolehi dari sumber lain (Mohammed Hussain Ahmad, 2019).

Bagi hasil karya manuskrip Melayu yang terdapat di Malaysia, pusat penyimpanan manuskrip Melayu utama ialah di Perpustakaan Negara Malaysia (Mohd Anuar Mamat, 2017) iaitu berjumlah hampir 5 000 naskhah (Awang Sariyan & Abdul Rasid Jamian, 2020). Penjagaan dan pemeliharaan manuskrip Melayu adalah bagi memastikan keadaan manuskrip tersebut dalam keadaan baik untuk rujukan dan kajian para penyelidik tempatan mahupun luar negara. (Zawiyah Baba & Jamilah Mohd. Sir, 2004).

Sehubungan dengan itu, antara bidang penulisan manuskrip Melayu-Jawi yang sering diketengahkan dan mendapat perhatian yang meluas ialah bidang ilmu keagamaan yang terdiri daripada ilmu akidah, feqah, tasawuf (Mahayudin Yahaya, 2019), tajwid dan sejarah (Ahmad

Misbah, Lukman & Muhamad Yusof, 2016). Dari kepelbagaian kelompok dan cabang ilmu manuskrip keagamaan, *Sayr al-Salikin ila 'Ibadah Rabb al-'Alamin* mencakupi ketiga-tiga perbincangan ilmu asas agama iaitu akidah, feqah dan tasawuf . Hal ini menjadikan karya ini istimewa sekaligus mendapat tempat di hati masyarakat.

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan empat perkara penting iaitu 1) pengenalan manuskrip *Sayr al-Salikin*, 2) kesahihan nisbah *Sayr al-Salikin* kepada Shaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani 3) penjejakan manuskrip *Sayr al-Salikin* di Perpustakaan Negara Malaysia dan 4) analisis dapatan manuskrip *Sayr al-Salikin*.

SKOP DAN KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini hanya memberi fokus kepada manuskrip *Sayr al-Salikin* yang terdapat di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia sahaja. Hal ini kerana, jumlah manuskrip *Sayr al-Salikin* adalah yang paling banyak tersimpan di sana iaitu sebanyak 48 naskhah. Manakala, manuskrip *Sayr al-Salikin* selebihnya berada di Perpustakaan Leiden di Belanda sebanyak tiga naskhah, Perpustakaan Nasional (Pusat Muzium), Jakarta di Indonesia sebanyak tiga naskhah Megawati Mores (2016), Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Brunei Darussalam sebanyak dua naskhah (Awang Rosle Jumat, 2019) dan Muzium Kesenian Islam Malaysia, Kuala Lumpur sebanyak satu naskhah (Islamic Art Museum Malaysia (IAMM), 2010). Oleh itu, kajian ini penting kerana ia memberi gambaran tentang keberadaan dan jumlah sebenar manuskrip yang berada dalam jagaan Perpustakaan Negara Malaysia.

Sayr al-Salikin merupakan salah sebuah karya Shaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani yang tersohor di Alam Melayu. Dari segi kandungannya, ia menyentuh ketiga-tiga rukun agama iaitu akidah, feqah dan tasawuf. Walau bagaimanapun, kandungannya lebih didominasi oleh ilmu tasawuf berbanding dengan ilmu-ilmu lain. Jadi wajar dan bertepatan dengan judul yang diberikan oleh al-Falimbani iaitu "*Sayr al-Salikin ila 'Ibadah Rabb al-'Alamin*" iaitu boleh diterjemahkan sebagai "Perjalanan orang yang menuju kepada beribadat akan Tuhan sekalian Alam". Judul ini dapat menjelaskan tentang perjalanan seseorang *Salik* untuk sampai kepada Allah SWT dan secara tidak langsung ia memperlihatkan perbincangan yang menyentuh ilmu tasawuf. Atas dasar inilah al-Falimbani namakan kitab ini sebagai "*Sayr al-Salikin ila 'Ibadah Rabb al-'Alamin*" (Megawati Moris, 2016).

Di samping itu, manuskrip *Sayr al-Salikin* mempunyai kedudukan dan keistimewaan tersendiri dengan melihat kepada autoriti pengarangnya dan kepentingannya dalam korpus Ilmu Tasawuf di Alam Melayu. Kewibawaan al-Falimbani sebagai seorang tokoh yang berautoriti dalam ilmu tasawuf dapat dilihat pada dua perkara iaitu 1) ketelitian dan ketekunan beliau menghasilkan kitab *Sayr al-Salikin* yang memakan masa selama sepuluh tahun merupakan satu tempoh yang agak lama untuk menyelesaikannya, 2) aktif dan berani melibatkan diri dalam masyarakat sebagai seorang pejuang sehingga beliau syahid di dalam peperangan menentang siam.

Seterusnya kedudukan *Sayr al-Salikin* dalam korpus ilmu tasawuf di Alam Melayu mempunyai enam keistimewaan iaitu 1) *Sayr al-Salikin* menyentuh ketiga-tiga perbahasan utama (akidah, feqah dan akhlak/tasawuf). Walaupun begitu, kitab ini lebih banyak

membincangkan perbahasan tasawuf berbanding feqah dan akidah. 2) penggunaan sumber yang muktabar (al-Quran, hadis, pandangan ulama) dalam penghasilan kitab ini menjadikan *Sayr al-Salikin* adalah satu kitab yang unggul. 3) kitab ini masih dicetak sehingga kini untuk memenuhi keperluan masyarakat dalam mendalami ilmu agama. 4) dijadikan sebagai bahan pengajaran di Alam Melayu (Syed Salim Syed Shamsuddin, 2018). 5) menjadi bahan rujukan utama dalam bidang tasawuf. 6) dijadikan sebagai platform bagi orang Melayu yang tidak memahami bahasa Arab untuk mempelajari ilmu agama khususnya ilmu tasawuf.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif bertujuan untuk meneroka, menjejaki dan menganalisis manuskrip *Sayr al-Salikin*. Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan keperpustakaan dengan merujuk kepada dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer yang digunakan dalam kajian ini adalah merujuk kepada manuskrip *Sayr al-Salikin* yang berada di Perpustakaan Negara Malaysia. Manakala, sumber sekunder adalah berdasarkan kepada artikel, jurnal, kertas kerja, seminar, tesis dan buku yang berkaitan sebagai rujukan kajian ini.

Pengumpulan data bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada dua bentuk iaitu 1) metode persejarahan dan 2) metode dokumentasi. Metode persejarahan digunakan bagi mendapatkan data yang mempunyai unsur sejarah berkenaan al-Falimbani dan kitab *Sayr al-Salikin*. Segala maklumat diperolehi dari pelbagai sumber dokumen yang berkait rapat dengan sejarah yang terdapat di dalam buku mahupun kajian penyelidik terdahulu. Seterusnya, membuat tapisan bagi memperolehi data yang tepat. Kedua, metode dokumentasi iaitu mengumpul data dengan cara melakukan kajian dan pembacaan terhadap segala bentuk dokumen yang berkaitan. Hal ini dapat diperolehi dengan merujuk manuskrip *Sayr al-Salikin* dan cetakan terkini kitab *Sayr al-Salikin*. Seterusnya, data yang diperolehi ditapis dan dibuat perbandingan bagi mendapatkan data yang benar-benar sah. Seterusnya, data-data yang dikumpul dan diperolehi, dianalisis secara deskriptif.

PENGENALAN MANUSKRIP SAYR AL-SALIKIN

ILA 'IBADAH RABB AL-'ALAMIN

Sayr al-Salikin ila 'Ibadah Rabb al-'Alamin merupakan salah sebuah karya Shaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani yang agung dalam bidang tasawuf (Shohana Hussin, 2020). Al-Falimbani telah menggunakan judul dalam bahasa Arab bagi karya ini. *Sayr al-Salikin* adalah gabungan dua patah perkataan Arab dikenali sebagai *idafat*. “*Sayr*” adalah *masdar* daripada perkataan *sara-yasiru* bermaksud baik perjalanan dan suluk (*al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*: 1989). “*Al-Salikin*” pula adalah lafaz *jama'* daripada perkataan *salik* yang merupakan *isim al-fa'il* bermaksud orang yang melalui atau menempuh sesuatu jalan. justeru, maksud yang bersesuaian bagi *Sayr al-Salikin* jalan bagi orang yang sedang menempuh perjalanan menuju kepada Allah SWT iaitu orang yang sedang berusaha melatih diri untuk menjadi seorang hamba Allah SWT yang taat.

Perletakan judul Arab adalah perkara biasa yang digunakan oleh ulama melayu silam. Hal ini berdasarkan kepada kebanyakan naskhah manuskrip Islam di alam Melayu dalam

pelbagai bidang ilmu diberi nama atau judul dengan menggunakan bahasa Arab sekalipun perbahasannya dalam bahasa Melayu (Salmah Ahmad & Ezad Azraai Jamsari, 2014). Sebagaimana kitab jawi yang lain, pengarang meletakkan judul dalam bahasa Arab kemudian menyusun isi kandungan dalam bahasa Melayu untuk memberi kemudahan kepada mesyarakat awam (Mohammaddin Abdul Niri, 2016).

Sebahagian besar isi kandungan kitab ini merupakan terjemahan daripada *Lubab 'Ihya' 'Ulum al-Din* karangan imam al-Ghazzali yang terkenal dalam dunia keserjanaan Islam (Shohana Hussin, 2020). Penulisan *Sayr al-Salikin* bermula pada tahun 1193H/1779M dan selesai ditulis pada 1203H/1788M (al-Falimbani, t.th). Penulisannya merangkumi empat bahagian sebagaimana Jadual 1 seperti berikut:

Jadual 1: Penulisan kitab *Sayr al-Salikin*

Bahagian	Perbahasan	Hari/Tarikh/ Tahun Selesai	Tempat	Tempoh Masa
Bahagian Pertama	Ilmu Usul al-Din (segala iktikad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah) dan segala taat (ibadat zahir)	1194H/ 1780M	Mekah	1 tahun
Bahagian Kedua	Adat iaitu menyatakan hukum adab yang berlaku pada adat.	Sabtu, 19 Ramadan, 1195H/1781M	Ta'if	1 tahun
Bahagian Ketiga	<i>Muhlikat</i> iaitu mengenai segala yang akan membinasakan sekalian amal yang terdiri daripada maksiat zahir dan batin.	Khamis, 19 safar, 1197H/ 1783M	Mekah	2 tahun
Bahagian Keempat	<i>Munjiyat</i> iaitu melepaskan daripada segala yang membinasakan akan amal iaitu ibadah batin.	Malam Ahad, 20 Ramadan, 1203H/1788M	Ta'if	6 tahun

Sumber: *Sayr al-Salikin*, al-Falimbani (t.th)

Jadual 1, menunjukkan penulisan *Sayr al-Salikin* telah memakan masa selama sepuluh tahun. Bahagian pertama (Ilmu Usul al-Din dan taat (ibadah zahir) dan kedua (adat) dihasilkan selama setahun. Bahagian ketiga (*Muhlikat*) selama dua tahun dan bahagian keempat (*munjiyat*) dihasilkan selama enam tahun. Oleh itu, bahagian keempat merupakan tempoh yang paling lama untuk al-Falimbani menyelesaikannya iaitu selama enam tahun. Seterusnya, penulisan ini bertempat di Arab Saudi yang melibatkan dua buah tempat iaitu di Mekah dan Taif.

Seterusnya, penulisan *Sayr al-Salikin* dilengkapi sebanyak 40 bab kesemuanya. Penulisan *Sayr al-Salikin* memperlihatkan persamaan dari sudut struktur penulisan (penyusunan bab dan tajuk) sebagaimana yang terdapat pada kitab *Lubab 'Ihya' 'Ulum al-Din* (Wan Aminurrashid, 2010). Walaupun *Lubab 'Ihya' 'Ulum al-Din* mempunyai pengaruh yang besar dalam penulisan *Sayr al-Salikin* akan tetapi karya *Sayr al-Salikin* mempunyai keunikan tersendiri kerana al-Falimbani tidak menterjemahkannya secara langsung bahkan turut

membuat pengurangan (Wan Aminurrashid, 2010) dan penambahan pada pada sebahagian bab (Megawati Mores, 2016). Oleh itu, bagi setiap bahagian terdiri daripada sepuluh bab sebagaimana Jadual 2 seperti berikut:

Jadual 2: Isi kandungan *Sayr al-Salikin*


Bhg	Kandungan	Perbahasan
Pertama	Mukaddimah: Kelebihan Ilmu	
	Bab 1: Iktikad dan kepercayaan	Akidah
	Bab 2: Rahsia-rahsia taharah	
	Bab 3: Rahsia solat	
	Bab 4: Rahsia zakat	Feqah
	Bab 5: Rahsia puasa	
	Bab 6: Rahsia ibadah haji	
	Bab 7: Adab-adab membaca al-Quran	
	Bab 8: Zikir-zikir	Tasawuf
	Bab 9: Adab doa dan kelebihan istighfar serta selawat atas nabi s.a.w	
Kedua	Bab 10: Kelebihan wirid-wirid dan tertibnya	
	Bab 1: Adab-adab makan minum	Tasawuf
	Bab 2: Adab-adab perkahwinan	
	Bab 3: Adab berusaha dan menghasilkan kehidupan	Feqah
	Bab 4: Halal dan haram	
	Bab 5: Adab bersahabat	
	Bab 6: Uzlah	
	Bab 7: Musafir	
	Bab 8: Mendengar zikir dengan berlagu	Tasawuf
	Bab 9: Suruhan berbuat kebajikan dan larangan melakukan kemungkaran	
Ketiga	Bab 10: Adab-adab kehidupan dan perangai nabi s.a.w	
	Bab 1: Keajaiban hati	
	Bab 2: Mensucikan nafsu ammarah dan memeranginya	
	Bab 3: Cara-cara mematahkan kedua-dua syahwat perut dan	
	Bab 4: Bahaya-bahaya lidah	
	Bab 5: Bencana kemarahan, dendam khusumat dan hasad	
	Bab 6: Kecelaan dunia	
	Bab 7: Kecelaan orang yang cintakan harta, bakhil dan kedekut	
	Bab 8: Kecelaan kemegahan diri dan riya	
	Bab 9: Kecelaan kibir (takbur) dan ujub	
Bab 10: Kecelaan ghurur iaitu terpedaya dan tertipu		
Keempat	Bab 1: Taubat dan liku-likunya	Akhlak
	Bab 2: Sabar dan syukur	
	Bab 3: Raja' dan khauf iaitu harap dan takut	
	Bab 4: Fakir dan zuhud iaitu kepapaan dan benci kepada dunia	

- Bab 5: Tauhid dan Tawakkal
 Bab 6: Mahabbah, syauq dan redha
 Bab 7: Niat, ikhlas dan sidiq (benar)
 Bab 8: Muraqabah dan Muhasabah
 Bab 9: Tafakkur atau Berfikir
 Bab 10: Kematian dan apa yang berlaku sesudahnya
 Jumlah keseluruhan 40 bab

Sumber: *Sayr al-Salikin* (al-Falimbani, t.thn)

Jadual 2 menunjukkan isi kandungan manuskrip *Sayr al-Salikin* serta perbahasan bagi setiap bahagian. Pada bahagian pertama merangkumi ketiga-tiga bidang ilmu iaitu akidah, feqah dan tasawuf. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan susunan bab yang dinyatakan oleh al-Falimbani. Perbahasan akidah dapat dilihat pada bab pertama iaitu iktikad dan kepercayaan. Seterusnya, pada bab yang kedua sehingga bab keenam merupakan perbahasan feqah. Selebihnya bab ketujuh sehingga bab kesepuluh merupakan perbahasan tasawuf. Pada bahagian kedua, merangkumi dua bidang ilmu sahaja iaitu feqah dan tasawuf. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan susunan bab yang dinyatakan oleh al-Falimbani iaitu perbahasan feqah pada bab pertama sehingga bab keempat. Selebihnya daripada bab lima sehingga bab sepuluh adalah bab tasawuf. Seterusnya, pada bahagian ketiga dan keempat pula, al-Falimbani hanya mengkhususkan perbahasan tasawuf sahaja.

Hasil penelitian mendapati perbahasan akidah dalam manuskrip *Sayr al-Salikin* adalah sebanyak 5%, perbahasan feqah sebanyak 15% dan perbahasan tasawuf sebanyak 80% telah dikupas dengan begitu baik oleh al-Falimbani. Secara ringkasnya dapat dilihat pada Rajah 1 sebagaimana berikut:



Rajah 1: Peratusan kandungan perbahasan akidah, feqah dan tasawuf dalam *Sayr al-Salikin*

Sumber: *Sayr al-Salikin* (al-Falimbani, t.th)

Berdasarkan Rajah 1 menunjukkan perbahasan tasawuf mendominasi perbahasan ilmu yang lain seperti akidah dan feqah. Hal ini bertepatan dengan kenyataan yang mengatakan *Sayr al-Salikin* adalah kitab terbesar al-Falimbani dalam bidang tasawuf. Justeru, hasil ketekunan dan usaha gigih beliau dalam penulisan telah memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan ilmu kerana kitab tersebut masih terus dipelajari sehingga kini.

KESAHIHAN NISBAH SAYR AL-SALIKIN KEPADA SHAYKH ‘ABD AL-SAMAD AL-FALIMBANI

Al-Falimbani merupakan seorang sarjana Islam yang berkaliber, hebat serta amat berpengaruh dalam perkembangan Islam di Nusantara pada abad ke-18 (Wan Ali Wan Mamat, 2011). *Sayr al-Salikin* adalah sebuah karya al-Falimbani yang benar-benar dapat dipastikan. Kesahihan nisbah karya ini kepada al-Falimbani dapat dibuktikan melalui catatan dalam teks yang sedia terakam dalam karya ini. Ia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu catatan pengarang sendiri pada 1) bahagian mukaddimah, 2) bahagian isi dan 3) bahagian penutup sebagaimana Jadual 3 seperti berikut:

Jadual 3: Kesahihan nisbah *Sayr al-Salikin* kepada al-Falimbani dalam teks

Bahagian	Mukaddimah	Isi	Penutup
Pertama	“Adapun kemudian daripada itu maka lagi akan berkata fakir yang miskin yang berkehendak kepada rahmat Tuhan Sekalian Alam iaitu ‘Abd al-Samad al-Jawi al-Falimbani...”	Tidak ada ulasan yang dilakukan oleh pengarang	“ ... atas tangan yang menterjemah akan dia iaitu fakir ila Allah Ta’ala iaitu ‘Abd al-Samad al-Jawi al-Falimbani ...”
Kedua	“Adapun kemudian daripada itu maka lagi akan berkata fakir ila Allah Ta’ala ‘Abd al-Samad al-Jawi al-Falimbani...”	Tidak ada ulasan yang dilakukan oleh pengarang	Tidak ada ulasan yang dilakukan oleh pengarang
Ketiga	“Adapun kemudian daripada itu maka lagi akan berkata fakir ila Allah Ta’ala ‘Abd al-Samad al-Jawi al-Falimbani...”	“...al-Faqir ilallah Ta’ala ‘Abd al-Samad al-Jawi al-Falimbani penterjemah kitab yang berjudul <i>Sayr al-Salikin ila ‘Ibadah Rabb al-‘Alamin.....</i> ”	“... atas tangan yang menterjemahkan akan dia iaitu fakir ila Allah Ta’ala iaitu ‘Abd al-Samad al-Jawi al-Falimbani...”.
Keempat	“Dan kemudian daripada itu maka lagi akan berkata fakir ila Allah al-Ghaniy ‘Abd al-Samad al-Jawi al-Falimbani...”	Tidak ada ulasan yang dilakukan oleh pengarang	“Adalah selesainya itu di atas tangan fakir ila Allah Ta’ala iaitu ‘Abd al-Samad al-Jawi al-Falimbani ...”

Sumber: al-Falimbani bahagian 1-4

Kesimpulannya, tidak diragukan lagi bahawa *Sayr al-Salikin* adalah salah sebuah karya al-Falimbani berdasarkan kenyataan yang dinyatakan oleh beliau sendiri. Oleh itu, tidak ada

mana-mana pengkaji yang terkemudian menyanggah kenyataan ini kerana hal ini telah jelas dikemukakan oleh pengarang tanpa ada keraguan padanya.

DAPATAN KAJIAN

Penjagaan dan pengumpulan naskhah manuskrip *Sayr al-Salikin* khususnya di Malaysia telah dilakukan oleh beberapa institusi dan jabatan kerajaan yang berkenaan antaranya Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (Zakaria Mustaffa & Abdul Syukur Mohd. Ali, 2012) dan Muzium Kesenian Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

Justeru, penjejakan dan penelitian terhadap manuskrip *Sayr al-Salikin* dilakukan di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia yang terletak di Kuala Lumpur. Menurut Mohd Anuar Mamat (2017), Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu merupakan satu institusi khas yang menjaga dan memelihara khazanah Manuskrip Melayu yang berada di Aras 11, Menara PNM.

Antara fungsi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu adalah 1) untuk mengesan, memperoleh dan membina koleksi manuskrip Melayu dalam apa jua bentuk dari dalam dan luar negara, 2) mendokumentasi, menyelenggara katalog induk dan menerbitkan bibliografi, 3) menyediakan kemudahan menyimpan, memelihara dan memulihara manuskrip Melayu, 4) Menyediakan kemudahan penyelidikan manuskrip Melayu, 5) menyebarkan pengetahuan yang terdapat dalam manuskrip Melayu melalui penyelidikan, penerbitan dan lain-lain promosi (Perpustakaan Negara Malaysia, 2012).

Justeru, lokasi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia dipilih kerana ia merupakan pusat penyimpanan manuskrip Melayu utama (Mohd Anuar Mamat, 2017) yang menyimpan hampir 5 000 naskhah (Awang Sariyan & Abdul Rasid Jamian, 2020). Keadaan ini membolehkan penelitian, perbandingan dan penganalisan yang mantap dan sistematik dapat dijalankan terhadap manuskrip *Sayr al-Salikin* yang dijumpai.

Koleksi Manuskrip Melayu yang terdapat di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu yang berada di aras 11, Menara PNM merupakan koleksi khas yang hanya boleh dirujuk dan diakses secara tertutup hanya di ruangan yang disediakan sahaja. Akses secara tertutup kepada bahan manuskrip adalah sebagai langkah pemeliharaan supaya tidak terdedah kepada sebarang unsur kerosakan yang akan menjejaskan keadaan fizikal manuskrip tersebut (Zawiyah Baba & Jamilah Mohd. Sir, 2004). Selain itu, penyelidik disarankan memakai sarung tangan sewaktu menggunakan manuskrip serta mematuhi segala prosedur yang telah ditetapkan sepanjang menggunakan kemudahan yang disediakan.

HASIL PENJEJAKAN MANUSKRIP SAYR AL-SALIKIN DI PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU

Penjejakan manuskrip *Sayr al-Salikin* diperolehi dengan merujuk kepada dua katalog yang tersedia di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu. Dua katalog tersebut adalah 1) Katalog Ringkas Manuskrip Melayu (1987-1999) dan 2) Katalog Deskriptif Manuskrip Melayu (2000-2018) sebagaimana berikut:

Jadual 4: Koleksi Katalog Ringkas Manuskrip Melayu (1987-1999) di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu

Tahun	Katalog	No Manuskrip	Jumlah Manuskrip <i>Sayr al-Salikin</i>
1987	Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas.	MS 256 & MS 324	2
1990	Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Pertama.	MS 560 & MS 691	2
1993	Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Kedua.	MS 1043, MS 1389 & MS 1469	3
1997	Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Ketiga.	MSS 1590 & MSS 1639	2
1999	Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Keempat.	MSS 2035, MSS 2069, MSS 2092 & MSS 2093	4
Jumlah			13

Sumber: Katalog di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia

Berdasarkan Jadual 4, menunjukkan Koleksi Katalog Ringkas Manuskrip Melayu yang diakses di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Katalog Ringkas Manuskrip Melayu mempunyai lima siri bermula pada tahun 1987-1999. Jumlah manuskrip *Sayr al-Salikin* yang berjaya dijejaki adalah sebanyak 13 buah naskhah.

Seterusnya, penjejakan manuskrip berdasarkan Katalog Deskriptif Manuskrip Melayu (2000-2018) sebagaimana berikut

Jadual 5: Koleksi Katalog Deskriptif Manuskrip Melayu (2000-2018) di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu

Tahun	Katalog	No Manuskrip	Jumlah Manuskrip <i>Sayr al-Salikin</i>
2000	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia	MSS 2399	1
2001	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia:	MSS 2472, MSS 2473, MSS 2507(A), MSS	5

	Tambahan Pertama.	2513 & MSS 2522	
2002	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kedua.	MSS 2665, MSS 2675, MSS 2792 & MSS 2856(B)	4
2003	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Ketiga.	MSS 2974 & MSS 2993	2
2006	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Keempat.	MSS 3216, MSS 3248(B) & MSS 3432	3
2008	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kelima.	MSS 3638, MSS 3762, MSS 3809, MSS 3834 & MSS 3835	5
2011	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Keenam.	MSS 3951 & MSS 4150	2
2012	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Ketujuh.	MSS 4223, MSS 4339 & MSS 4362	3
2015	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kelapan.	MSS 4406, MSS 4509 & MSS 4557	3
2016	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kesembilan.	MSS 4613, MSS 4630, MSS 4638, MSS 4650, MSS 4712 (A) & MSS 4714	6
2018	Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kesepuluh.	MSS 4826 & MSS 4842	2
Jumlah			36

Berdasarkan Jadual 5, menunjukkan koleksi Katalog Deskriptif Manuskrip Melayu yang diakses di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia menunjukkan angka yang lebih besar berbanding katalog Ringkas Manuskrip Melayu. Katalog Deskriptif Manuskrip Melayu mempunyai sebelas siri bermula pada tahun 2000-2018. Jumlah manuskrip *Sayr al-Salikin* yang berjaya dijejaki adalah sebanyak 36 buah naskhah.

Oleh itu, setakat kajian ini dilakukan, jumlah keseluruhan katalog yang dirujuk adalah sebanyak 16 buah katalog semenjak tahun 1987-2018. Manuskrip *Sayr al-Salikin* yang berjaya dijejaki adalah sebanyak 49 buah naskhah kesemuanya. Dapatan ini menunjukkan bahawa Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur adalah antara pusat penyimpanan manuskrip Melayu yang memiliki jumlah naskhah manuskrip *Sayr al-Salikin* terbesar berbanding repositori lain.

PERBINCANGAN KAJIAN

Setakat kajian ini dilakukan, hasil penjejakan manuskrip *Sayr al-Salikin* yang berjaya ditemui adalah sebanyak 49 buah naskhah sastera kitab yang kesemuanya bertajuk “*Sayr al-Salikin ila ‘Ibadah Rabb al-‘Alamin*” ditemui di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia. Berdasarkan kepada penemuan yang diperolehi, perbincangan ini akan menjurus kepada dua perbincangan utama iaitu 1) jumlah sebenar manuskrip *Sayr al-Salikin*, 2) pembahagian manuskrip berdasarkan bahagian *Sayr al-Salikin* dan 3) status manuskrip *Sayr al-Salikin*.

Jumlah sebenar manuskrip *Sayr al-Salikin*

Berdasarkan penelitian yang telah dijalankan, mendapati jumlah keseluruhan manuskrip *Sayr al-Salikin* adalah sebanyak 49 buah. Kesemua manuskrip tersebut berjudul “*Sayr al-Salikin ila ‘Ibadah Rabb al-‘Alamin*” kecuali hanya pada satu naskhah sahaja. Satu naskhah tersebut ialah MSS 4714. Naskhah manuskrip ini dilebal sebagai “*Sayr al-Salikin ila ‘Ibadah Rabb al-‘Alamin*” akan tetapi apabila diteliti dan dianalisis dari segi kandungan dan persembahan manuskrip menunjukkan keganjilan dan perbezaan yang amat ketara. Manuskrip tersebut dilihat sangat jelas bercanggah dengan gaya bahasa, teknik penulisan dan isi kandungan yang kebiasaan ditulis oleh al-Falimbani. Setelah diteliti, diselidiki dan diperhalusi manuskrip MSS 4714 bukanlah manuskrip *Sayr al-Salikin ila ‘Ibadah Rabb al-‘Alamin*” sebagaimana yang dilabelkan akan tetapi ia adalah manuskrip yang berbeza. Hasil penelitian mendapati manuskrip tersebut bukanlah manuskrip *Sayr al-Salikin* akan tetapi ia adalah manuskrip “*Tuhfah al-Raghibin fi Bayan Hakikat Iman al-Mu‘minin wama Yuftiduhu min Riddah al-Murtadin*”. Keadaan ini mungkin berlaku disebabkan kesalahan sewaktu melabel maklumat pada katalog dan luar kulit manuskrip tersebut.

Setelah meneliti kesemua manuskrip *Sayr al-Salikin*, mendapati jumlah sebenar adalah sebanyak 48 naskhah kesemuanya iaitu MS 256, MS 324, MS 560, MS 691, MS 1043, MS 1389, MS 1469, MSS 1590, MSS 1639, MSS 2035, MSS 2069, MSS 2092, MSS 2093, MSS 2399, MSS 2472, MSS 2473, MSS 2507 (A), MSS 2513, MSS 2522, MSS 2665, MSS 2675, MSS 2792, MSS 2856 (2), MSS 2974, MSS 2993, MSS 3216, MSS 3248 (B), MSS 3432, MSS 3638, MSS 3762, MSS 3809, MSS 3834, MSS 3835, MSS 3951, MSS 4150, MSS 4223, MSS 4339, MSS 4362, MSS 4406, MSS 4509, MSS 4557, MSS 4613, MSS 4630, MSS 4638, MSS 4650, MSS 4712 (A), MSS 4826 dan MSS 4842.

Pembahagian manuskrip berdasarkan empat bahagian *Sayr al-Salikin*

Pembahagian nombor salinan manuskrip *Sayr al-Salikin* berdasarkan dua koleksi katalog dapat dipecahkan kepada empat bahagian *Sayr al-Salikin* sebagaimana berikut:

Jadual 6: Pembahagian nombor salinan manuskrip *Sayr al-Salikin* kepada empat bahagian *Sayr al-Salikin*

Bahagian	Koleksi Katalog Ringkas Manuskrip Melayu (1987-1999)	Koleksi Katalog Deskriptif Manuskrip Melayu (2000-2018)
Bahagian Pertama	MS 256, MS 691 & MS 1389,	MSS 2473, MSS 2522, MSS 2665, MSS 2856 (B), MSS 3248 (B) & MSS 3809,
Bahagian Kedua	MSS 1639	MSS 2974, MSS 3216, MSS 4223, MSS 4557, MSS 4638 & MSS 4842
Bahagian Ketiga	MS 324, MS 560, MS 1043, MSS 2035 & MSS 2069	MSS 2399, MSS 2472, MSS 2507 (A), MSS 2513, MSS 2792, MSS 3638, MSS 3762, MSS 3835, MSS 4150, MSS 4339 & MSS 4362
Bahagian Keempat	MSS 1469, MSS 1590, MSS 2092 & MSS 2093	MSS 2675, MSS 2993, MSS 3432, MSS 3834, MSS 3951, MSS 4406, MSS 4509, MSS 4613, MSS 4630, MSS 4650, MSS 4712 (A) & MSS 4826

Sumber: Katalog di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia

Berdasarkan Jadual 6, menunjukkan nombor salinan manuskrip *Sayr al-Salikin* berdasarkan kepada empat bahagian *Sayr al-Salikin*. Pembahagian ini berdasarkan kepada koleksi katalog dari tahun 1987-2018. Oleh itu, jumlah keseluruhan bagi setiap bahagian dapat dilihat sebagaimana berikut:

Jadual 7: Jumlah keseluruhan bahagian berdasarkan dua kategori koleksi katalog (1987-2018)

Bahagian	Koleksi Katalog Ringkas Manuskrip Melayu (1987-1999)	Koleksi Katalog Deskriptif Manuskrip Melayu (2000-2018)	Jumlah keseluruhan manuskrip <i>Sayr al-Salikin</i>
Bahagian Pertama	3	6	9
Bahagian Kedua	1	6	7
Bahagian Ketiga	5	11	16
Bahagian Keempat	4	12	16
Jumlah	13	35	48

Berdasarkan Jadual 7, menunjukkan jumlah keseluruhan bahagian adalah sebanyak 48 naskhah berdasarkan koleksi katalog dari tahun 1987 sehingga 2018. Jumlah manuskrip yang paling banyak ditemui adalah pada bahagian ketiga dan keempat kerana masing-masing mewakili 16 naskhah. Seterusnya diikuti oleh bahagian pertama yang mewakili sembilan naskhah. Akhir sekali, bahagian kedua menunjukkan jumlah yang paling sedikit iaitu sebanyak tujuh naskhah.

Status manuskrip *Sayr al-Salikin*

Berdasarkan hasil manuskrip *Sayr al-Salikin* yang ditemui, status manuskrip *Sayr al-Salikin* dapat diklasifikasikan kepada dua katagori iaitu 1) lengkap dan 2) tidak lengkap sebagaimana berikut:

Jadual 8: Analisis status keseluruhan manuskrip *Sayr al-Salikin*

Bahagian	Lengkap	Tidak Lengkap
Bahagian Pertama	MSS 2473 & MSS 2665	MS 256, MS 691, MS 1389, MSS 2522, MSS 2856 (B), MSS 3248 (B) & MSS 3809
Bahagian Kedua	Tiada	MSS 1639, MSS 2974, MSS 3216, MSS 4223, MSS 4557, MSS 4638 & MSS 4842
Bahagian Ketiga	MS 324, MS 1043, MSS 2035, MSS 2069, MSS 2472, MSS 4150 & MSS 4339	MS 560, MSS 2399, MSS 2507 (A), MSS 2513, MSS 2792, MSS 3638, MSS 3762, MSS 3835 & MSS 4362
Bahagian Keempat	Tiada	MSS 1469, MSS 1590, MSS 2092, MSS 2093, MSS 2675, MSS 2993, MSS 3432, MSS 3834, MSS 3951, MSS 4406, MSS 4509, MSS 4613, MSS 4630, MSS 4650, MSS 4712 (A) & MSS 4826

Sumber: carian katalog 1987-2018 di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu

Berdasarkan Jadual 8, menunjukkan salinan naskhah manuskrip berdasarkan setiap bahagian dari bahagian pertama sehingga bab keempat. Bahagian pertama menunjukkan hanya dua sahaja naskhah yang lengkap manakala selebihnya tujuh naskhah tidak lengkap. Bahagian kedua pula hanya terdapat naskhah yang tidak lengkap sahaja iaitu sebanyak tujuh naskhah dan tidak ada satu pun yang mewakili bahagian lengkap. Bahagian ketiga mendapati tujuh naskhah yang lengkap manakala selebihnya Sembilan naskhah tidak lengkap. Bahagian keempat pula mendapati 16 naskhah yang tidak lengkap dan tidak ada satu pun yang mewakili bahagian lengkap. Hal ini dapat dilihat pada dapatan di bawah sebagaimana berikut:

Jadual 9: Jumlah manuskrip *Sayr al-Salikin* bagi setiap bahagian

Bahagian	Lengkap	Tidak Lengkap	Jumlah Setiap Bahagian
Bahagian 1	2	7	9
Bahagian 2	0	7	7
Bahagian 3	7	9	16
Bahagian 4	0	16	16

Sumber: Manuskrip *Sayr al-Salikin* di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu

Berdasarkan Jadual 9 Bahagian lengkap hanya dijumpai pada bahagian pertama (dua naskhah) dan ketiga (tujuh naskhah) manuskrip *Sayr al-Salikin* sahaja manakala bahagian kedua dan keempat tidak mempunyai naskhah lengkap. Selebihnya naskhah manuskrip berstatus tidak lengkap. Justeru, naskhah yang berstatus tidak lengkap banyak diperolehi pada bahagian keempat iaitu sebanyak 16 naskhah berbanding bahagian yang lain. Manakala, bahagian ketiga sebanyak sembilan naskhah. Seterusnya bahagian pertama dan bahagian kedua menunjukkan kepada angka yang sama iaitu sebanyak tujuh naskhah. Oleh itu, status keseluruhan manuskrip *Sayr al-Salikin* dapat dilihat sebagaimana berikut:


Jadual 10: Status keseluruhan manuskrip *Sayr al-Salikin* berdasarkan katalog 1987-2018

Lengkap	Tidak Lengkap
MS 324, MS 1043, MSS 2035, MSS 2069, MSS 2472, MSS 2473, MSS 2665, MSS 4150 & MSS 4339	MS 256, MS 560, MS 691, MS 1389, MSS 1469, MSS 1590, MSS 1639, MSS 2092, MSS 2093, MSS 2399, MSS 2507 (A), MSS 2513, MSS 2522, MSS 2675, MSS 2792, MSS 2856 (B), MSS 2974, MSS 2993, MSS 3216, MSS 3248 (B), MSS 3432, MSS 3638, MSS 3762, MSS 3809, MSS 3834, MSS 3835, MSS 3951, MSS 4223, MSS 4362, MSS 4406, MSS 4509, MSS 4557, MSS 4613, MSS 4630, MSS 4638, MSS 4650, MSS 4712 (A), MSS 4826 & MSS 4842.
9 naskhah	39 naskhah

Berdasarkan Jadual 10, mendapati hanya sembilan sahaja yang lengkap manakala selebihnya 39 lagi tidak lengkap berdasarkan koleksi katalog 1987 sehingga 2018. Justeru status manuskrip *Sayr al-Salikin* ditentukan berdasarkan ciri-ciri sebagaimana berikut:

Salinan manuskrip *Sayr al-Salikin* dianggap lengkap berdasarkan kepada dua ciri iaitu 1) fizikal manuskrip masih dalam keadaan baik (hanya mempunyai sedikit kerosakan) yang membolehkan manuskrip itu dirujuk dan dianggap lengkap dan 2) lengkap dari bab satu sehingga bab 10. Antara Salinan manuskrip *Sayr al-Salikin* yang lengkap adalah MSS 2472 sebagaimana pada Rajah 2 seperti berikut:

Rajah 2: Contoh salinan lengkap manuskrip MSS 2472 (Bahagian 3)



Halaman pertama MSS 2472

Halaman terakhir MSS 2472

Berdasarkan Rajah 2, manuskrip MSS 2472 dianggap lengkap kerana keadaan fizikal manuskrip masih dalam keadaan baik dan hanya terdapat sedikit kerosakan yang membolehkan manuskrip itu masih boleh dibaca, dirujuk dan digunakan dengan baik. Seterusnya, susunan dan kandungan penulisan lengkap dari bab pertama sehingga bab sepuluh (bab akhir) tanpa

sebarang kehilangan mahupun tercicir. Oleh kerana beberapa ciri dan faktor tersebut menjadikan manuskrip ini dianggap lengkap.

Seterusnya, salinan manuskrip *Sayr al-Salikin* yang tidak lengkap pula dapat dilihat berdasarkan kepada tiga ciri kerosakan fizikal yang terdapat pada manuskrip. Pertama, warna dakwat yang telah pudar dan berlubang akibat dimakan oleh serangga perosak. Kedua, bab tidak lengkap. Ketiga, helaian teks tercicir, terkoyak atau hilang sebagai contoh dapat dilihat pada manuskrip MSS 4362 sebagaimana pada Rajah 3 seperti berikut:

Rajah 3: Contoh salinan manuskrip tidak lengkap, manuskrip MSS 4362 (Bahagian 3)



Halaman pertama MSS 4362

Berdasarkan Rajah 3, manuskrip MSS 4362 dianggap tidak lengkap kerana jelas menunjukkan warna dakwat tulisan sudah pudar dan hilang. Manuskrip turut berlubang dan rosak dimakan serangga. Walaupun manuskrip ini bermula dari bab pertama sehingga bab akhir akan tetapi terdapat beberapa helaian manuskrip yang tercicir dan hilang. Oleh kerana beberapa ciri dan faktor tersebut menyebabkan manuskrip ini dianggap tidak lengkap.

Kajian ini mendapati, hanya sebilangan kecil sahaja naskhah *Sayr al-Salikin* yang lengkap dan dapat dibaca dengan baik. Manakala selebihnya, dianggap tidak lengkap disebabkan oleh kerosakan yang tidak dapat dielakkan. Sungguhpun begitu, penulis sangat memuji usaha yang dilakukan pihak Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu dalam memastikan manuskrip ini terus dipelihara bagi membolehkan kajian lanjutan terhadapnya dapat dilakukan oleh pengkaji terkemudian.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Shaykh ‘Abd al-Samad al-Falimbani merupakan seorang yang cukup teliti, cekal, tekun dan gigih dalam penghasilan karya terutama kitab *Sayr al-Salikin* yang memakan masa selama 10 tahun. Hasil ketekunan dan usaha gigih beliau dalam penulisan telah memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan ilmu kerana kitab tersebut masih terus dipelajari sehingga kini. Justeru, manuskrip ini masih dirujuk sehingga kini dan boleh

diakses di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Berdasarkan penelitian yang dilakukan, menunjukkan sebanyak 48 buah naskhah manuskrip *Sayr al-Salikin* yang tersimpan di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu. Hal ini menggambarkan jumlah manuskrip *Sayr al-Salikin* dalam simpanan Perpustakaan Negara Malaysia adalah yang paling banyak berbanding manuskrip yang tersimpan di repositori lain yang terdapat di Malaysia. Sehingga ke saat ini, manuskrip *Sayr al-Salikin* yang tersimpan di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu masih boleh diakses untuk dilakukan kajian keatasnya.

Justeru, tindakan dan inisiatif yang dilakukan oleh Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu dalam memelihara dan menjaga manuskrip adalah satu tindakan yang wajar dan seharusnya dipuji. Hal ini kerana, sekiranya manuskrip ini tidak dijaga dengan baik maka, sudah semestinya kajian terhadap manuskrip sukar dilakukan dan mungkin tidak dapat dilakukan oleh penyelidik pada masa kini dan akan datang. Sehubungan dengan tindakan yang dilakukan, membolehkan serta memudahkan para pengkaji menjejaki, mengkaji dan meneliti hasil karya ulama terdahulu. Oleh itu, kemudahan yang ada pada hari ini merupakan satu nikmat yang besar kepada seluruh anggota masyarakat dan ia merupakan satu perkembangan ilmu yang patut dihargai.

PENGHARGAAN

Jutaan penghargaan buat Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA, staff Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia yang telah membantu secara langsung mahupun secara tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan.

RUJUKAN

- A.S.Sabariah & I.Imilia. 2013. Cabaran Pemeliharaan dan Pemuliharaan Manuskrip Tempatan di Sarawak. *Jurnal PPM* 7: 1-12.
- Abdul Mu'iz Ahmad & Taj Rijal Muhammad Romli. 2020. Metode Terjemahan Teks Bab Solat dalam Kitab Bahrul Mazi. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language* 3(9): 14-23.
- Ahmad Amin. 1983. *Dhuha al-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Misbah Muhamad Hilmi, Luqman Abd. Mutalib & Muhamad Yusof Niteh. 2016. Manuskrip Kehakiman Islam: Analisis Keupayaan dan Kearifan Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 3(3): 251-267.
- Asmak Ali, Fatimah Salleh & Che Zaharah Abdullah. 2013. Penulisan Manuskrip Melayu Islam: Satu Tinjauan Awal. *Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tamadun*, hlm. 228-137.
- Awang Rosle Jumat. 2019. Pentahqiqan Manuskrip: Tinjauan Awal Terhadap Manuskrip-Manuskrip BPIS. *Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2019*, hlm. 293-325.
- Awang Sariyan & Abdul Rasid Jamian. 2020. Sumbangan Manuskrip Melayu Lama kepada Peradaban Bangsa. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 11(2): 7-17.

- Awang Sariyan. 2019. Sumbangan Manuskrip Melayu Lama Kepada Peradaban Bangsa: Catatan Berdasarkan Beberapa Teks. *Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2019*, hlm. 217-248.
- Dzul kifli Hadi Imawan. 2018. The Intellectual Network of Shaykh Abdusshamad Al-Falimbani and his Contribution in Grounding Islam in Indonesian Archipelago at 18th Century AD. Millah. *Jurnal Studi Agama* 18(1): 31-50.
- Fairuzah Basri, Salmah Ahmad & Mohd Syukri Yeoh Abdullah. 2013. Manuskrip ‘*Umdat al-Muhtajin Ila Suluk Maslak al-Mufradin*: Sumbangan Karya Abad 17 Masihi dalam Pembinaan Masyarakat Melayu Masa Kini. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 1(2): 31-43.
- al-Falimbani, Shaykh ‘Abd al-Samad. t.th. *Sayr al-Salikin fi Tariqah al-Sadat al-Sufiyyah*. Pulau Pinang: Percetakan al-Maarif Sdn.Bhd.
- I Nyoman Weda Kusuma. 2007. Geguritan Nabi Muhammad: cermin akulturasi budaya Hindu-Islam di Bali. *SARI* 25: 119-127.
- Islamic Art Museum Malaysia (IAMM). 2010. *Handlist of Malay Manuscripts in the Islamic Art Museum Malaysia: JAKIM Collection: Volume 1*. Kuala Lumpur: IAMM Publications.
- Katalog Pameran. 1990. *Manuskrip Melayu kegemilangan Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Khadher Ahmad & Ishak Suliaman. 2014. *Biografi Ulama Nusantara Syekh Abdul Samad Al-Falimbani: Penulis Hidayah Al-Salikin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalif Muammar. 2015. Faham *Wahdat al-Wujud* dan Martabat Tujuh dalam Karya Shaykh ‘Abd al-Samad al-Falimbani. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World* 8: 97-131.
- Mahayudin Yahaya. 2019. Sumbangan Islam terhadap Kemakmuran Masyarakat melalui Manuskrip Melayu-Jawi. *Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2019*, hal. 71-99.
- Makmur Harun, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz & Sitti Rachmawati Yahya. 2017. Historiografi Manuskrip Jawi Nusantara: Analisis Sejarah dalam Tuhfat al-Nafis dan Sulalat al-Salatin. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*: 126-170.
- Mat Saad Abd Rahman. 1983. *Panduan Tahqiq*. Bangi: Penerbit Ikatan Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Megawati Moris. 2013. Making Knowledge Useful: Applying al-Ghazali’s Teachings in the Malay World. *ICR Journal* 4(1): 31-44.
- Megawati Moris. 2016. *Al-Ghazzali’s Influence On Malay Thinkers: A Study of Shaykh ‘Abd Al-Samad al-Palimbani*. Selangor: Islamic and Strategic Studies Institute Berhad.
- Mohammaddin Abdul Niri. 2016. Konsep Alam menurut Daud al-Fatani: Analisis dari Perspektif Astronomi Islam. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohammed Hussain Ahmad. 2019. Menelusuri Sejarah Wakaf dan Sumbangan Sultan Muhammad Tajuddin: Kajian Manuskrip Wakaf Koleksi Pusat Sejarah. *Prosiding Seminar Majlis Ilmu 2019* hlm. 351-381.

- Mohd Anuar Mamat. 2017. Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Julai 2017. Bil 15: 66-88.
- Mohd. Hisyam Abdul Rahim, Mikdar Rusdi & Syed Muhammad Dawilah al-Edrus. 2012. Umm Al-Barahim and Its Relation with Malay Jawi Books. *Journal of Techno Social*, 4(2): 67-73.
- al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi* (1989). Beirut: Larus.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 1987. *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 1990. *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Pertama*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 1993. *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Kedua*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 1997. *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Ketiga*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 1999. *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas Tambahan Keempat*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2000. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2001. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Pertama*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2002. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kedua*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2003. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Ketiga*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2006. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Keempat*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2008. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kelima*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2011. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Keenam*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2012. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Ketujuh*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2012. *The Legacy of Malay Manuscripts*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2014. *Dasar Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2015. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kelapan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

- Perpustakaan Negara Malaysia. 2016. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kesembilan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2018. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kesepuluh*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Perpustakaan Negara. 2000. *Warisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Salmah Ahmad & Ezad Azraai Jamsari. 2014. Keistimewaan Manuskrip Kitab Arab dan Manuskrip Islam Melayu. Dalam *Islam dan Ketamadunan Melayu: Sumbangan Ke Arah Kemajuan Sejagat*. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 293-300.
- Salsabil Mohd Zain. 2012. *Israilliyyat dalam Manuskrip Melayu: Kajian terhadap Hikayat Mukjizat Nabi*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Shohana Hussin. 2020. Pendidikan Kerohanian dalam Kitab Turath Jawi Siyar al-Salikin. *Sains Insani* 5(1): 67-72.
- Siti Hawa Mohd Salleh. 2001. Kesusteraan Melayu Tradisional dalam persada pendekatan/ teori sastera moden. *Kertas kerja Persidangan Serantau Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*.
- Suhaila Abdullah & Mohd Sukki Othman. 2011. Peranan dan Sumbangan Ulama' 'Tiga Serangkai' dalam perkembangan Islam dan Transformasi Sosial di Malaysia. Dlm *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia*, hal. 442-448.
- Sulaiman Mohammad Nur. 2016. Hidayah al-Salikin. *JIA Jurnal Ilmu Agama* 17(1): 79-95.
- Syamsul Rijal & Umiarso. 2018. Rekontekstualisasi Konsep Ketuhanan Abd Samad al-Palimbani. *Teosofi: Jurnal Tasawuf dan Pemikiran Islam* 8(1): 83-112.
- Syamsul Rijal. 2015. Al-Palimban, *The National Islamic Thinker in The 18th Century and His Divinity Concept*. *Research on Humanities and Social Sciences* 5(10):138-142.
- Syed Salim Syed Shamsuddin. 2018. Pemantapan Pelajar Aliran Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pengajian Kitab Turath Jawi: Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Pengajian Talaqqi di Universiti Sains Islam Malaysia. *Sains Insani* 3(1): 27-37.
- Wan Ali Wan Mamat. 2011. Penemuan manuskrip Melayu di Mekah, Saudi Arabia. *Malaysia Dari Segi Sejarah (Malay in History)* 39: 1-11.
- Wan Aminurrashid Wan Abd Hamid. 2010. Hadith-hadith dalam kitab Sayr al-Salikin karangan Shaykh 'Abd al-Samad al-Falimbani: Satu Kajian dalam Bab Salat. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 1996. *Sheikh Abdus Shamad Palembang Ulama Shufi dan Jihad Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Zakaria Mustaffa & Abdul Syukur Mohd. Ali. 2012. Penyelidikan Manuskrip Melayu Berunsurkan Keislaman. *Seminar Penyelidikan Jawi dan Manuskrip Melayu*, hlm. 1-9.
- Zawiyah Baba & Jamilah Mohd. Sir. 2004. Pemeliharaan dan Pemuliharaan Kesusasteraan Tradisional dalam Zaman Teknologi Maklumat dan Komunikasi. *Sekitar Perpustakaan* (38): 25-35.